

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)
TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)
NO. SOALAN : 39

Tuan Fong Kui Lun minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- (a) berapakah jumlah AP kenderaan yang dikeluarkan sepanjang 2015 dan 2016; dan
- (b) kutipan levi yang diterima setakat 31 Disember 2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lesen Import (AP) yang diluluskan kepada syarikat bagi pengimportan kereta penumpang dan motosikal dalam bentuk siap sepenuhnya (CBU) dikategorikan kepada dua iaitu AP Terbuka dan AP Francais. Jumlah AP kereta penumpang dan motosikal CBU yang telah diluluskan pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:

Tahun	Kereta (Unit)			Motosikal (Unit)		
	Terbuka	Francais	Jumlah	Terbuka	Francais	Jumlah
2015	27,852	57,690	85,542	3,814	15,871	19,685
2016	25,499	51,021	76,520	1,541	7,503	9,044

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan fi (levi) yang diterima sejak dilaksanakan pada tahun 2010 sehingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM 2,046,570,000.00.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

TARIKH : 7.3.2017

SOALAN : NO. 40

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula berkaitan dengan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) yang sememangnya bercanggah dengan dasar pendidikan Negara untuk kemasukan ke segelintir Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) buat masa ini, tidak mengiktiraf Unified Examination Certificate (UEC) untuk tujuan kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di atas sebab-sebab berikut:

- (a) UEC tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996;
- (b) Sistem penilaian UEC dibuat oleh badan penilai sendiri dan bukannya oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini sekali gus tidak memenuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan;
- (c) mata pelajaran Bahasa Melayu dalam UEC tidak setara dengan mata pelajaran Bahasa Melayu (KOD:1103) di peringkat SPM;

- (d) liputan sejarah negara dalam kurikulum UEC tidak selari dengan sejarah negara; dan
- (e) syarat am kelayakan kemasukan IPTA hendaklah menduduki SPM dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (KOD: 1103) serta lulus mata pelajaran Sejarah (KOD : 1249 - mulai tahun 2013).

Justeru, Sijil UEC tidak boleh digunakan sebagai kelayakan masuk ke IPTA. Walau bagaimanapun, KPT bersedia mempertimbangkan pengiktirafan UEC untuk tujuan kemasukan ke IPTA sekiranya mematuhi semua syarat dan keperluan dinyatakan di atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Insituti Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bertarikh 19 Mac 2004 telah menyatakan bahawa kelulusan Sijil UEC diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke IPTS tetapi tidak boleh diterima untuk kemasukan ke IPTA termasuk Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program IPTS yang difrancaiskan daripada IPTA.